

PENGASAS BERAS

FAIZA



“Hanya
bermodalkan
RM4 sahaja,
saya yakin Allah
ada dalam
setiap langkah
saya...”



LIKU HIDUP DAN RAHSIA KEJAYAAN

DR. SALWA ABU BAKAR



FAIZA

LIKU HIDUP DAN RAHSIA KEJAYAAN

إخلاص در قد



HJH FAIZA BAWUMI BINTI SAYED AHMAD
Pengarah Urusan
Syarikat Faiza Sdn Bhd



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



*Buku ini
istimewa
untukmu mama
tersayang...*



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA


923. 359/5

FAIZA

LIKU HIDUP DAN RAHSIA KEJAYAAN

oleh
DR SALWA ABU BAKAR

PUSTAKA PERDANA



1013561



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Cetakan 1 - 2020

HAKCIPTA TERPELIHARA © 2020 DR SALWA ABU BAKAR

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada pemegang hak cipta.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

DR. SALWA ABU BAKAR

PENGASAS BERAS FAIZA - LIKU HIDUP DAN RAHSIA KEJAYAAN

ISBN 978-967-86-0968-5

1. XXX. 2. XXX.

3. XXX.

I. XXX.

XXX

Diterbit dan diedarkan oleh:



GRUP BUKU KARANGKRAF SDN. BHD.

Lot 26, Jalan Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-5101 7546/7548 • Faks : 03-5101 7588

Belian online: www.karangkrafmall.com

Belian online: www.faizashop.com

Dicetak Oleh:



ULTIMATE PRINT SDN. BHD.

Lot 2, Jalan Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, 40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-5101 3388 • Faks : 03-5101 3300

Isi Kandungan

KATA PENGANTAR CATATAN UMMI DARI HATI

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN INDIVIDU DAN SYARIKAT: HAJAH FAIZA BAWUMI SAYED AHMAD SYARIKAT FAIZA SDN BHD

KEHIDUPAN AWAL FAIZA DI KAHERAH

17

Lahirnya Faiza
Siapa Ibu Ayah Faiza
Keluarga Mula Berkembang
Budak Pintar
Malang Yang Membawa Tuah
Kuasa Doa
Trauma

MATANG DI USIA MUDA

31

Jadi Orang Baru
Merebut Cinta Si Juruwang
Dua Kali Lamaran Ditolak
Keazaman Abu Bakar
Ikatan Cinta Terjalin
Belajar Hidup Berdikari
Kelahiran Salwa Mematangkan Faiza

SELAMAT TINGGAL KAHERAH

47

Berita Sedih Dari Malaysia
Jom Lari!
Jangan Pisahkan Kami

SELAMAT DATANG KE MALAYSIA

55

Siapakah Cik Abu?
Pengembaraan Faiza
Penerimaan Keluarga Mentua
Persandingan Bertiga
Penyesuaian Diri
Pertama Kali Melihat Petir Dan Mendengar Guruh
Permulaan Kerjaya Faiza: Bermula Dengan RM4

ZAMAN PINDAH RANDAH	66
<ul style="list-style-type: none"> Batu Pahat Ke Muar 1965-1966 Roshdi Suatu Penantian Kelahiran Fikri Tujuh Bulan Muar Ke Johor Bahru 1967: Sulaman Johor Bahru Ke Mersing 1967-1970: Pinggan Mangkuk Dan Buku Sos Cili: Selera FAIZA 	
PERMULAAN PERNIAGAAN REMPAH 1968	77
<ul style="list-style-type: none"> Belajar Memasak Kegemaran Suami Mendidik Anak- Anak Berniaga Gadai Nyawa Kerana Najwa Mersing Ke Kluang 1970-1977 	
BUKAN SENANG NAK SENANG	89
<ul style="list-style-type: none"> Kedai Runcit Pertama Tanpa Lesen Radhwa Anak Dalam Selaput Pertama Kali Balik Kampung Mimpi Sedih Jadi Kenyataan Penutupan Kedai Runcit: Tumpuan Rempah Jadwa Tidak Kenal Baba Si Mata Hijau Jadi Penyeri 	
PERPINDAHAN YANG MEMBUKA REZEKI	107
<ul style="list-style-type: none"> Dapat Rumah Lebih Luas Kembali Ke Muar 1978-1979 Harapkan Pegar, Pegar Makan Padi Pengorbanan Suami Tercinta Bayar Zakat Sejak Awal 	
PERMULAAN PERNIAGAAN BERDAFTAR	117
<ul style="list-style-type: none"> Penetapan Di Batu Pahat 1980 Pendaftaran Pertama Perniagaan Alamat Rumah Idea Menjual Gas Dari Beras Ceduk Ke Pembungkusan Kedai Runcit Berlesen Pertama Perlawanan Harga Kebakaran Kedai Ditipu Pekerja Dari Kedai Runcit Ke Pasar Mini 	

PEMBORONG BERAS WANITA PERTAMA DI JOHOR	131
Saat Getir Dapatkan Lesen Penubuhan Kilang Pertama Langit Tidak Selalu Cerah Berpindah Ke Kilang Baru Penubuhan Cawangan Dugaan Semakin Mencabar Kebangkitan Semula	
BERNIAGA SAMBIL BERAMAL	155
Perkongsian Pengalaman Makanan Halal Dan Baik Beras Kesihatan Herba Faiza Taj Mahal BersamaMu TV3	
PERNIAGAAN BUKAN BERAS	163
Tiada Rempah Tiada Beras Pengasingan Faiza Marketing Kemunculan Faiza Food Cabaran Membuat Bihun Faiza Bihun Siam Faiza	
ALLAH MAHA MENGETAHUI	173
Isteri, Ibu dan Kerjaya Sokongan Suami Sumber Kejayaan Selamat Tinggal Kekasih Hati Aktif Berpesatuan Penghilang Rindu Penubuhan Darul Hikmah Abu Bakar	
RAHSIA KEJAYAAN	189
Mengutamakan Keluarga Kerja Itu Satu Ibadah Amalan Bersedekah Amalan Harian	
LEGASI FAIZA	194
KENALI PRODUK FAIZA	224
KERATAN AKHBAR, MAJALAH, BUKU TEKS & JURNAL	232
PERMATA DI HATI KAMI	234
BIODATA PENULIS	240



Kata Pengantar

Apabila saya membaca biografi Faiza Bawumi Sayed Ahmad saya yakin ia mampu membawa pembaca melalui suatu perjalanan hidup yang penuh cabaran.

Kejayaan Syarikat Faiza Sdn Bhd yang terkenal sebagai sebuah syarikat pemborong beras mementingkan kualiti produk yang tinggi bukanlah satu jalan pintas. Sebaliknya, ia lahir dari kerja kuat, kecekalan, keberanian dan keyakinan bahawa rezeki itu tidak akan datang bergolek.

Yang membuat biografi ini lebih bermakna ialah kerana ia ditulis oleh anak subjek itu sendiri dan penulisan ini bukanlah sekadar penceritaan oleh pihak kedua dan ketiga tetapi turut dari pengalaman dan pemerhatian sendiri.

Selain itu, jika pembaca menghayati buku ini, ia boleh menjadi panduan yang mampu menjadikan seseorang itu usahawan yang berjaya.

Setiap peringkat yang dilalui oleh Hajah Faiza sehingga wujudnya Syarikat Faiza yang begitu berjaya memperlihatkan betapa kegigihan, kecekalan, kesungguhan, kreativiti dan keyakinan diri berupaya melahirkan seorang usahawan yang bukan sahaja berjaya tetapi yang lebih penting, berintegriti.



Sesungguhnya, Hajah Faiza wujud sebagai satu bukti bahawa usaha itu tangga kepada kejayaan.

Selesai membaca biografi ini, keyakinan saya bahawa tidak ada apa yang tidak boleh kita capai di bumi Malaysia ini, InshaAllah. Apa yang kita perlukan ialah kerajinan dan kemahuan untuk memaju diri dan tidak mahu bergantung kepada bantuan istimewa untuk mencapai kejayaan tersebut.

Turut membanggakan ialah apabila berjaya, Hajah Faiza melibat diri dengan kerja-kerja amal dan berkongsi dengan masyarakat keuntungan dan kejayaan yang diperolehinya.

Semoga Allah s.w.t memberkatinya sentiasa.

Dr Mahathir bin Mohamad

Catatan Ummi

Assalamualaikum w.b.t,

Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah subhanahu wa taala kerana dengan izinNya, penulisan buku ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada anak sulung saya, Salwa yang akhirnya telah berjaya melengkapkan buku kisah hidup saya ini. Walaupun mengambil masa beberapa tahun mengumpul maklumat tentang kisah hidup saya dengan menemubual saya, di samping membantu saya menguruskan syarikat tetapi beliau tetap gigih menyiapkan buku ini.

Saya menyokong penuh apabila beliau memberikan idea untuk menerbitkan kisah hidup saya ini. Ia juga merupakan hasrat saya untuk berkongsi kisah hidup, jatuh bangun dan bagaimana asal saya memasuki dunia perniagaan. Segala yang saya ceritakan kepada Salwa ini, adalah kisah nyata yang saya alami sendiri sama ada mengenai kerjaya saya sebagai usahawan mahupun sebagai ibu yang melahirkan dan membesarkan anak-anak. Semua kisah-kisah ini memberikan kenangan yang tidak mungkin dilupakan sepanjang hayat saya. Ia amat bermakna bagi saya.

Tanpa mempunyai pendidikan yang tinggi dan penguasaan bahasa Melayu yang terbatas, kerana saya berasal dari Kaherah, Mesir, saya tetap tabah harungi dunia perniagaan. Saya juga bermula tanpa modal yang besar. Hanya dengan permulaan modal RM4 dan berbekalkan sekeping hati yang bersemangat tinggi, gigih, tidak kenal putus asa dan bersungguh-sungguh, saya teruskan perjuangan. Semoga ianya boleh menjadi contoh dan inspirasi kepada semua usahawan yang menceburi dunia perniagaan.

Bukan senang nak senang! Bak kata pepatah, yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang, semua perlu berusaha bersungguh-sungguh tanpa kenal putus asa. Saya sentiasa mengamalkan zikir *La haula wa la quwwata illa billahil aliyyl adzim* dalam setiap permulaan harian saya. Hanya dengan bantuan Allah sahaja segala impian kita boleh tercapai. Saya yakin setiap ujian Allah itu ada hikmah di sebaliknya.

Segala yang diceritakan dalam buku ini adalah kisah hidup saya yang bermula sejak saya dilahirkan sehingga kini. Saya menceritakan kepada anak saya untuk dibukukan dan dengan harapan akan dimanfaatkan oleh semua. Saya hendak membuktikan setiap kejayaan tidak semestinya hanya dengan segulung ijazah atau dengan modal yang besar.

Walaupun berasal dari benua dan budaya yang berbeza tetapi saya sangat bertuah dan bersyukur kerana mempunyai ibu mentua dan keluarga suami saya di Malaysia yang menerima saya dengan baik. Suami yang sangat penyayang dan sentiasa menjadi penasihat utama serta tulang belakang saya, merealisasikan cita-cita dan impian saya. Alhamdulillah, Allah memberikan saya kesihatan dan kekuatan untuk terus berjuang, menyediakan pelbagai produk makanan yang halal dan thoyyiban untuk semua pengguna. Saya berazam untuk menjadi pembayar zakat terbesar di negara ini supaya saya boleh bantu lebih ramai golongan yang memerlukan.

Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pengguna FAIZA yang sentiasa menyokong dan membeli produk FAIZA. Setiap produk yang dibeli, anda juga telah sama menyumbang dan membantu mereka yang memerlukan melalui saluran bantuan yang diberikan oleh FAIZA.

Saya telah membaca keseluruhan buku biografi yang telah disiapkan oleh Salwa ini. Saya amat berpuas hati dengan apa yang ditulis dan berharap buku ini boleh dijadikan sumber inspirasi untuk semua golongan masyarakat.

PASTIKAN FAIZA BARU BELI!



Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad
Pengasas & Pengarah Urusan
Syarikat Faiza Sdn Bhd



Dari Hati

Assalamualaikum w.b.t,

Saya mengungkapkan kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah swt yang telah menganugerahkan saya kecekan untuk menghasilkan buku ini. Dengan izin dan kekuatan yang diberikanNya, karya ini telah berjaya sampai ke tatapan pembaca.

Saya adalah anak sulung kepada pasangan bahagia Abu Bakar dan Faiza. Faiza atau lebih dikenali dengan panggilan Ummi di kalangan warga Syarikat Faiza juga dikenali dengan panggilan Faiza Beras atau Faiza Bersamamu, ialah mama saya yang menjadi idola kami adik-beradik. Saya bukanlah seorang penulis, idea untuk menulis buku tentang mama ini timbul apabila saya mendapati setiap kali mama menghadiri apa sahaja majlis dan berjumpa sesiapa sahaja, mama atau ummi nama yang akan saya gunakan sepanjang penulisan ini, akan ditanya soalan yang sama sahaja, iaitu pengguna berminat mahu mengetahui latar belakang mama.

Mereka hairan bagaimana mama yang berasal dari Kaherah boleh mempunyai semangat kemelayuan yang sangat kuat, hati yang kental, sebagai seorang isteri, ibu dan bagaimana mama memulakan perniagaannya. Oleh itu kisah hidup mama saya bukukan untuk dijadikan contoh dan semangat kepada semua yang baru hendak menceburi dunia perniagaan. Amalan dan rutin hariannya boleh dijadikan contoh kepada semua. Mama juga memang suka berkongsi pengalamannya, semoga setiap amalan baik yang diikuti akan menjadi bekalan mama kemudian hari kelak, itulah niat utama mama.

Bagaimana saya akhirnya melengkapkan buku ini?

Mama merupakan mentor kami adik-beradik, semasa saya melengkapkan PhD saya, mamalah pembakar semangat saya. Sejak 2004 saya sudah mula menanamkan niat membukukan kisah hidup mama. Peluang menjadi semakin cerah apabila pada Oktober 2014 saya bertugas sepenuh masa di Syarikat Faiza. Pada mulanya saya simpan dahulu hasrat itu. Pada tahun 2015 saya mula mengumpul maklumat terperinci tentang mama dengan menemubual dan merakamkan setiap perbualan dengannya. Kaedah ini berlanjutan sehingga beberapa bulan, kerana mama juga selalu sibuk dan hanya berpeluang menemubualnya bila mama betul-betul lapang dan berada di pejabat.

Saya juga mengambil masa yang sangat lama kerana asyik membetulkan kesalahan bahasa dan cuba sebaik mungkin menjadikan jalan cerita mama ini mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat.

Jutaan terima kasih kepada adik-adik saya Najwa, Radhwa, Jadwa dan Hoda yang banyak memberikan semangat dan sentiasa bersedia menyemak penulisan saya. Anak-anak saya Mohd Firdaus dan isterinya Salamah, Kauthar bersama suaminya Muhd Amin, Mohd Naim dan adiknya Raihan yang sangat memahami ibu mereka ini. Adakala mereka sehingga terpaksa 'menculik' saya untuk membawa saya bercuti. Ucapan terima kasih juga untuk kawan saya, seorang penulis novel, Junie Octovian (Jun) yang membantu saya pada awal penulisan ini. Kak Jah, terima kasih kerana menasihati dan memberikan saya kekuatan untuk menulis sendiri kisah hidup mama ini. "Jangan risau Salwa, tulis je, ejaan boleh semak kat *google*, zaman Kak Jah dulu kena guna Dewan Bahasa dan Pustaka di sebelah." Itulah kata-kata semangat daripada penulis buku terkenal, Khadijah Hashim kepada saya.

Allah juga telah memudahkan kerja saya dengan kemunculan Fadzli yang lebih dikenali dengan gelaran Apai yang membantu saya dalam rekabentuk buku ini. Terima kasih juga kepada Kak Nuri Supian, Fiza, Hanan dan Fauzi yang turut sama membantu saya serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sehingga lengkapnya penulisan ini.

"Jangan lama sangat Salwa, jangan sampai mama tak sempat nak tengok buku ini," kata-kata mama yang kebelakangan ini selalu mengingatkan saya agar buku biografi mama ini segera dijadikan kenyataan. Diharap hajat dan hasrat mama dapat dikabulkan Allah. Segala catatan dalam buku ini adalah merupakan kisah benar dan bukan rekaan. Moga buku ini bukan hanya dapat dimanfaatkan oleh semua usahawan muda yang sedang menghadapi gelombang cabaran dalam dunia perniagaan, bahkan boleh dijadikan panduan oleh semua lapisan masyarakat.

Selamat membaca!



Dr Salwa Abu Bakar
Pengurus Besar Kanan
Syarikat Faiza Sdn Bhd



Hajah Faiza Bawumi Sayed Ahmad merupakan salah seorang pemborong beras dan rempah kari tersohor di Malaysia. Kisah hidupnya yang penuh liku sejak kecil di Kaherah, telah membentuk wanita asal Mesir ini memiliki jati diri begitu tinggi. Ketika bersekolah rendah, Faiza pernah koma setahun akibat kemalangan. Dilanggar sebuah motosikal berkuasa tinggi yang sedang mengiringi rombongan Raja Farouk, Pemerintah Mesir ketika itu menyebabkan beliau trauma sehingga terpaksa berhenti sekolah dan melupakan cita-cita menjadi doktor. Tragedi pahit itu memberi peluang kepada beliau untuk belajar menjahit dan berjaya mendapat diploma ketika berumur 14 tahun. Bakatnya yang menyerlah dalam rekaan fesyen dan menjahit akhirnya menghasilkan modal untuk memulakan perniagaan rempah ratus.

Berkahwin pada usia 16 tahun dengan pemuda dari Malaysia, Faiza belayar bersama suami dan memulakan hidup baru di rantau orang. Siapa sangka wanita Arab ini berjaya meletakkan dirinya sebaris dengan usahawan ternama hanya dengan bermodalkan RM4 sahaja.

Kegemaran suami makan kari, mencetuskan idea kepada Faiza untuk belajar membuat sendiri serbuk rempah kari dan belajar mengenali rempah ratus orang Melayu. Minat memasak terus berkembang apabila suami sering memberi komen positif. Dari dapur akhirnya serbuk kari rempah Faiza menuju ke pasaran antarabangsa.

Bukan senang nak senang! Bak kata pepatah, yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang, semua perlukan usaha gigih. Jatuh bangun dalam dunia perniagaan, pernah ditipu pekerja, produk difitnah, ditimpa musibah akibat kebakaran, banjir dan pelbagai dugaan yang mengakibatkan kerugian besar kepada syarikat telah memberi impak yang positif kepada beliau untuk terus maju.

Liku-liku perjalanan kehidupan Faiza yang dikongsi bersama di dalam biografi ini membuktikan bahawa segulung ijazah bukan tiket kejayaan seseorang dan perniagaan tidak semestinya dimulakan dengan modal yang besar. Besar harapan Faiza agar buku ini dapat memberi motivasi kepada usahawan muda dan menjadi inspirasi para pembaca.



FAIZA
Rice For Life

 **MOTIVASI**

www.faizarice.com/portal/
www.alaf21.com.my
mall.karangkraf.com

